

02/02/2003

Dr Ling hanya melepaskan jawatan dengan restu PM

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR: Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, menegaskan beliau hanya akan melepaskan jawatan Menteri Pengangkutan sekiranya diminta berbuat demikian oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, beliau telah menyerahkan surat peletakan jawatan yang 'tidak bertarih' dan kini terserah kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan muktamad mengenainya.

"Kini menjadi hak mutlak Perdana Menteri untuk membuat keputusan muktamad mengenai berapa lama seorang menteri boleh berkhidmat di dalam kabinet.

"Dan bila beliau membuat keputusan, saya akan pergi dengan perasaan bersyukur dan terima kasih kerana mampu memberi perkhidmatan kepada negara begitu lama dan pada tahap tertinggi pula.

"Saya tidak melakukan apa-apa kesalahan, jadi mengapa saya perlu fikir semua perkara ini sekarang. Tapi yang pasti ialah meletak jawatan atau bersara adalah satu perkara yang patut dan perlu difikir oleh semua orang... tidak ada siapa yang akan kekal selama-lamanya," katanya kepada pemberita ketika ditemui di rumah terbuka MCA sempena sambutan Tahun Baru Cina, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai pelbagai dakwaan terbaru yang dilakukan oleh ahli perniagaan dan bekas orang kepercayaannya, Datuk Soh Chee Wen, serta dakwaan yang ahli perniagaan Austria, Franz C Heldwein, yang turut membuat laporan polis mendakwa urusan perniagaan yang dijalankan dengan Dr Ling dan Soh pada 1996 menyebabkan syarikatnya rugi RM100 juta.

Pada masa yang sama, Dr Ling dijangka berhadapan dengan tuntutan RM150 juta yang difail semula oleh Soh.

Ditanya siapa yang patut meletakkan tarikh kepada surat peletakan jawatannya yang tidak bertarih itu itu, Dr Ling berkata: "Jangan bertanya kepada saya soalan yang hanya Perdana Menteri boleh memberi jawapan... saya bukan Perdana Menteri."

Mengenai semua tuduhan dan tuntutan yang dibuat oleh Soh serta Heldwein, Dr Ling enggan mengulas kecuali berkata dia tidak menghadapi kes terbabit dibawa ke mahkamah.

"Dia (Soh) telah memfailkan banyak kes terhadap saya dan semuanya telah ditolak, Katanya dia telah memfailkan semula, jadi saya akan berjumpa dia di mahkamah," tegasnya.

Mengenai tuduhan Soh bahawa Dr Ling menggunakan pejabat rasminya di Kementerian Pengangkutan untuk menjalankan urusan niaga, Presiden MCA berkata jika benar Soh mempunyai sebarang bukti seumpama, dia tidak akan menunggu begitu lama untuk mengemukakan bukti terbabit.

Dr Ling berkata, suara hatinya (conscience) adalah jelas dan beliau tidak melakukan sebarang kesalahan.

"Apa yang penting ialah anda mesti mempunyai suara hati yang jelas dan jika ada memiliki ini, lumpur yang dilempar tidak akan terpalit. Saya tidak akan menjawab sebarang soalan membabitkan tuduhan Soh Chee Wen... oleh kerana dia telah memfailkan semula kes, maka saya akan menjawab di mahkamah," tegasnya.